

Ubah mekanisme bantuan TH, naikkan deposit daftar haji

BERITA HARIAN 07/8/2023 11:51:11



Oleh Dr Muhammad Iqmal Hisham Kamaruddin
bhrencana@bh.com.my

Pensyarah Kanan
Universiti Sains
Islam Malaysia
(USIM)

Hari ini jemaah haji termasuk 31,500 warga Malaysia bakal menjalani ibadat wukuf, iaitu rukun terpenting yang menentukan sah atau tidak ibadat berkenaan.

Pada tahun ini, kos pelaksanaan mencapai RM30,850 bagi setiap jemaah akibat peningkatan pelbagai perbelanjaan, sekali gus turut menaikkan jumlah bantuan kewangan haji perlu ditanggung Tabung Haji (TH) yang biasanya diberikan kepada jemaah haji sejak 2001 lagi.

Sekjak pengenalan bantuan kewangan haji, TH mengekalkan kadar perlu dibayar jemaah, iaitu RM9,980 dalam satu jangka lama walaupun secara puratanya kos pelaksanaan naik antara 10 hingga 15 peratus setiap tahun, sebelum terpaksa menaikkan sedikit kepada RM10,980 bermula 2020.

Justeru, kos keseluruhan bantuan kewangan haji perlu ditanggung TH pada tahun ini mencecah RM400 juta yang sangat ketara berbanding RM185 juta pada tahun lalu.

Penanggungan kos bantuan kewangan haji dijangka meningkat kepada RM500 juta tahun hadapan, sekali gus menjadikan sebanyak RM2.2 billion dibelanjakan bagi merealisasikan bantuan kewangan haji selama ini.

Bagi memastikan kelestarian, TH memperkenalkan bantuan kewangan haji secara bersasar pada tahun ini berdasarkan kategori pendapatan B40, M40 dan T20.

Bantuan kewangan haji kepada jemaah B40 ialah RM19,870 termasuk bantuan RM1,000 diberikan kerajaan untuk menanggung kenaikan kadar bayaran dan M40 (RM14,870), manakala tiada sebarang bantuan kewangan diberikan kepada T20.

Jika dibandingkan kos semasa pelaksanaan haji, iaitu RM30,850, jumlah bantuan kewangan haji jemaah B40 melebihi separuh atau 64.4 peratus, manakala jemaah kategori M40 pula hampir separuh (48.2 peratus).

Bagaimanapun, pengelasan jemaah berdasar-

kan kategori pendapatan ini menimbulkan banyak pertanyaan dan rungutan bagaimana ia dilakukan, malah ada mendakwa dimasukkan dalam kategori tidak sepatutnya.

Pada masa sama, TH juga menetapkan sesiapa sahaja boleh berdaftar menuaikan ibadat haji dengan hanya deposit serendah RM1,300 sahaja. Dengan jumlah berdaftar mencecah 1.3 juta orang, tempoh menunggu menjadi panjang hingga 140 tahun.

Dedah kos sebenar haji

Sebenarnya, pemberian bantuan kewangan haji dan kelonggaran pendaftaran itu sekian lama memberikan gambaran kurang tepat mengenai kos pelaksanaan haji.

Masyarakat secara umumnya menganggap ia adalah pada kadar rendah seperti dikenakan TH selama ini. Oleh itu, mereka perlu disedarkan dengan kos pelaksanaan haji sebenar.

Ini kerana ia berkait rapat dengan antara syarat wajib haji, iaitu mempunyai istita'ah atau kemampuan. Istita'ah dalam haji merangkumi pelbagai aspek termasuk kemampuan kewangan, kesihatan, keselamatan, kenderaan dan mendapatkan tasrih atau kebenaran melaksanakan ibadat berkenaan, iaitu kuota serta visa.

Sekiranya seseorang tidak mempunyai kewangan mencukupi untuk menampung kos keselu-

ruhan pelaksanaan haji, maka hukum wajib tidak akan jatuh kepada mereka untuk melaksanakannya.

Justeru, TH perlu memperhalusi pemilihan jemaah haji termasuk dari sudut kemampuan kewangan ini, iaitu menyemak semula kriteria pendaftaran haji dengan meningkatkan jumlah deposit diperlukan menyamai jumlah semasa kos pelaksanaan haji sebelum melayakkan seseorang berdaftar untuk menuaikan ibadat berkenaan.

Apabila kaedah ini dilaksanakan, TH boleh memberikan bantuan kewangan haji secara sewajarnya kepada jemaah terpilih secara sama rata tanpa membebankan kewangan institusi itu.

Ini kerana pada prinsip asasnya, semua jemaah terpilih mempunyai deposit mencukupi untuk menampung kos pelaksanaan haji tanpa bergantung bantuan kewangan haji.

Secara tidak langsung, masyarakat akan menyedari mereka tidak lagi boleh bergantung kepada bantuan kewangan haji untuk melayakkan diri menuaikan haji, selain ibadat itu tidak menjadi kewajiban sekiranya tidak mampu menanggung kos semasa.

Pada masa sama, TH boleh membantu golongan tidak berkemampuan untuk mencukupkan deposit dengan memberikan agihan keuntungan tahunan secara berperingkat dengan melebihkan jumlah peratusan agihan keuntungan bagi jumlah deposit berkadar dengan kos semasa pelaksanaan haji.

Contohnya, jumlah peratusan agihan lebih tinggi diberikan kepada jumlah deposit hingga RM30,000 dan diikuti oleh jumlah peratusan agihan biasa bagi baki jumlah deposit melebihi nilai berkenaan.

Pelaksanaan kaedah itu bukan sahaja akan mampu menyelesaikan masalah pemberian bantuan kewangan haji tidak sama rata ketika ini, bahkan turut memendekkan tempoh menunggu giliran haji kepada individu benar-benar mampu berdasarkan konsep istita'ah.

Selain itu, pengurangan bebanan kos bantuan kewangan haji boleh disalurkan semula dengan memberikan agihan keuntungan lebih tinggi kepada jumlah deposit berkadar dengan kos semasa pelaksanaan haji.

Masyarakat menganggap ia adalah pada kadar rendah seperti dikenakan TH selama ini. Oleh itu, mereka perlu disedarkan dengan kos pelaksanaan haji sebenar